

12 DEC 2001

Agong-Tahniah

PELBAGAI PIHAK UCAP TAHNIAH KEPADA TUANKU SYED SIRAJUDDIN

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Pemimpin serta beberapa pertubuhan hari ini mengucapkan tahniah kepada Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail di atas pelantikan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata rakyat berbangga dengan pelantikan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baru.

"Baginda merupakan pemerintah yang mengambil berat mengenai rakyat dan dihormati," katanya kepada Bernama ketika dihubungi hari ini.

Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata sebagai pemerintah yang mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran, Malaysia bakal menyaksikan kemajuan yang lebih pesat di bawah pemerintahan baginda.

Pelantikan Raja Perlis sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baru diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir selepas mesyuarat khas Majlis Raja-Raja Melayu ke-191 di Istana Negara di sini.

Mesyuarat itu juga melantik semula Sultan Mizan Zainal Abidin dari Terengganu sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Kedua-dua pelantikan itu adalah bagi tempoh lima tahun, berkuatkuasa mulai esok, kata Dr Mahathir.

Sementara itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) pula menganggap pelantikan baginda sebagai satu rahmat dan anugerah kepada negara dan rakyat Malaysia.

Presiden MBM Saifuddin Abdullah dalam satu kenyataan di sini berkata Tuanku Syed Sirajuddin adalah seorang raja yang bijaksana dan amat mesra dengan rakyat.

Saiffudin berkata baginda juga sering menghadiri program-program di merata tempat.

"MBM yakin Malaysia akan bertambah maju dan makmur dalam segala bidang pembangunan, di samping mengekalkan keamanan, keselamatan dan kestabilan di bawah pemerintahan Tuanku Syed Sirajuddin," katanya.

Beliau berkata MBM memohon mendapatkan nasihat baginda dalam proses pembangunan belia negara yang bersepadu supaya dapat memperkasakan pembangunan belia di negara ini.

-- BERNAMA

FA MAM LAT